



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4
62630 Putrajaya
Malaysia
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN BERKAITAN PENYAKIT YANG DISYAKI HAWAR BERDARAH (HAEMORRHAGIC SEPTICAEMIA, HS) DI TERENGGANU.

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar ingin memaklumkan bahawa penyakit disyaki Hawar Berdarah (Haemorrhagic Septicaemia, HS) telah dikesan melibatkan tiga puluh (30) ekor kerbau di Kg. Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu.
2. Penyakit hawar berdarah (HS) merupakan penyakit akut pasteurellosis yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella multocida* (p. *multocida*) Carter's Type B. Penyakit ini biasanya menyerang ternakan lembu dan kerbau dan boleh menyebabkan kematian dalam jangkamasa 8-24 jam selepas dijangkiti. Penyakit HS kerap menyerang ternakan pada musim hujan. Bagaimanapun penyakit HS tidak menjangkiti manusia.
3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu telah menjalankan bedah siasat ketas ternakan yang mati dan semua sampel telah dihantar ke makmal bagi tujuan pengesanan penyakit.

TINDAKAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN HS

4. Notis arahan kuarantin mengikut seksyen 18 Akta Binatang 1953 telah dikeluarkan dan diserahkan kepada penternak pada 13 September 2020.
5. Pemberian ubat antibiotik pada ternakan yang bergejala.
6. Memberikan khidmat nasihat kepada penternak mengenai kepentingan program pemvaksinan penyakit HS bagi tujuan pencegahan penyakit tersebut.

NASIHAT BERKAITAN HS KEPADA WARGA AWAM DAN PENTERNAK

7. Penyakit HS adalah penyakit bukan zoonotik (tidak berjangkit pada manusia). Orang ramai dinasihatkan untuk tidak panik memandangkan tiada risiko penyakit tersebut kepada manusia.
8. Kerjasama penternak adalah amat diperlu bagi melaporkan sebarang kes disyaki penyakit HS di mana-mana Pejabat Veterinar Negeri atau Pejabat Veterinar Daerah berdekatan.

Disediakan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
15 September 2020